

01 MAY 1996

Annuar-Pindaan

UMNO KELANTAN TETAPKAN PENDIRIAN BERHUBUNG PINDAAN PAS

KOTA BAHARU, 1 Mei (Bernama) -- Umno Kelantan hari ini menetapkan satu pendirian khusus berhubung dengan cadangan kerajaan negeri Kelantan pimpinan PAS untuk meminda perlembagaan negeri itu bagi menghadkan kuasa raja.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata pendirian itu dipersetujui hasil mesyuarat Ketua-ketua Bahagian Umno di negeri ini dan akan dibawa ke pengetahuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi badan perhubungan Umno negeri ini.

"Saya rasa ada sesuatu yang cukup penting untuk kita laporkan kepada Dr Mahathir dengan segera dan sehingga itu kita tidak dapat mengumumkan pendirian itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini.

Beliau berkata bagaimanapun pendirian oleh Umno Kelantan itu tertakluk kepada nasihat Presiden Umno itu setelah diadakan perbincangan bersama.

Dr Mahathir hari ini berkata Umno akan menyokong Pas di Dewan Undangan Negeri Kelantan jika cadangan pindaan pelembagaan negeri itu sesuai dengan pendirian Umno.

Perdana Menteri berkata Pas sebelum ini juga pernah menyokong Umno di Parlimen ketika kerajaan Barisan Nasional membentangkan cadangan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan bagi menghadkan kuasa raja-raja pada 1993.

Annuar berkata beliau akan cuba bertemu dengan Dr Mahathir esok di Melaka bagi menetapkan satu tarikh perjumpaan khas antara Perdana Menteri dengan pemimpin Umno Kelantan bagi membincangkan perkara itu.

"Kita percaya Perdana Menteri akan menimbang maklumat yang bakal diberikan kerana ia adalah senario sebenar mengenai apa yang berlaku di Kelantan pada masa ini," katanya.

Menurutnya Umno Kelantan terpaksa membincangkan isu pindaan itu pada mesyuarat hari ini kerana tindakan Pas menyerang istana secara terbuka dan membincangkannya secara umum dianggap sebagai sikap keterlaluan.

Beliau berkata Umno Kelantan turut menerima laporan bahawa Pas kini menggunakan mimbar khutbah di masjid-masjid untuk mempengaruhi rakyat dalam isu berkenaan.

Annuar juga berkata Umno Kelantan sedang menyusun program perhimpunan Maal Hijrah secara besar-besaran sebelum akhir bulan ini yang dijangka dihadiri oleh seramai 20,000 orang.

Katanya program itu akan dibuat di Sekolah Menengah Padang Garong di sini dan selepas itu diperluaskan ke setiap bahagian di negeri ini. --

BERNAMA

RAR NMO